

PERPUSTAKAAN KUi TTHO



3 0000 00071150 1



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: SATU TINJAUAN TERHADAP TAHAP PENGETAHUAN GURU TEKNIKAL
DALAM PEMBINAAN ITEM OBJEKTIF DI TIGA BUAH SEKOLAH MENENGAH
TEKNIK

SESI PENGAJIAN: 2002/2003

NURHUDA BINTI ISMAIL (801201-04-5046)

Saya (HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi /badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap:
1123, KG. PENGKALAN NYIREH,
22200 BESUT,
TERENGGANU.

TUAN HAJI KAMARUDIN KHALID
Nama Penyelia

Tarikh: 25/9/2003

Tarikh: 25/9/2003

- CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan
** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

SATU TINJAUAN TERHADAP TAHAP PENGETAHUAN GURU TEKNIKAL
DALAM PEMBINAAN ITEM OBJEKTIF DI TIGA BUAH SEKOLAH
MENENGAH TEKNIK

NURHUDA BINTI ISMAIL

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.


Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

OKTOBER, 2003

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH




“Saya/Kami* akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya/kami* karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.”

Tandatangan : 
Nama Penyelia : Tuan Haji Kamarudin bin Khalid
Tarikh : 25/6/2003

* Potong yang tidak berkenaan.

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”


Tandatangan : 
Nama Penulis : Nurhuda binti Ismail
Tarikh : 25/9/2003

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Untuk ayah dan ibu, *Ismail bin Haji Ibrahim* dan *Jaharah binti Mamat* serta adik-beradik tersayang. Tidak lupa juga kepada sahabat handai yang banyak membantu.

Jutaan terima kasih di atas bantuan dan dorongan kalian semua.



PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, akhirnya saya berjaya menjalankan projek ini dan seterusnya dapat menyiapkan laporan ini. Saya juga amat bersyukur kerana diberikan kesihatan tubuh badan dan mengizinkan saya menjalankan semua kerja yang melibatkan projek ini tanpa ada halangan dan gangguan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Tuan Haji Kamarudin bin Khalid selaku penyelia projek ini di atas segala perhatian, pertolongan dan bimbingan yang telah diberikan. Banyak nasihat-nasihat telah diberikan sepanjang menyiapkan projek ini dan segala budi baik beliau tidak saya lupakan. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah lain, juruteknik-juruteknik dan pembantu makmal di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) yang turut membantu dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Penghargaan ini juga saya tujukan buat rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi bantuan teknikal, galakan dan menyumbangkan idea dalam membantu menyiapkan projek ini. Semoga kita sama-sama memperolehi kejayaan dalam akademik dan kehidupan masa akan datang. Buat ayahanda dan bonda tercinta, terima kasih anakanda ucapkan di atas segala dorongan dan galakan serta sentiasa mendoakan agar anakanda berjaya.

Akhir sekali kepada sesiapa yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung, budi baik kalian amatlah saya hargai.

Sekian.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh manakah tahap pengetahuan guru-guru dalam aspek pembinaan item objektif. Responden adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar subjek kejuruteraan atau lebih dikenali sebagai guru-guru teknikal di tiga buah sekolah menengah teknik. Secara amnya, kajian ini mengenalpasti sama ada guru-guru memerlukan garis panduan pembinaan item objektif sebagai panduan atau rujukan mereka. Soal selidik yang menggunakan Skala Likert digunakan bagi mendapatkan data tentang tahap pengetahuan guru dalam aspek pembinaan item objektif dan seterusnya menjawab persoalan kajian ini. Seterusnya, data dari soal selidik yang dijalankan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 11.0 (*Statistical Package For The Social Science*). Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa responden memberi reaksi yang positif dengan tahap pengetahuan yang sederhana. Namun begitu jika dilihat pada jawapan dalam soal selidik yang diedarkan, pengetahuan mereka masih banyak lagi yang perlu ditambah. Justeru itu, garis panduan yang dibina oleh pengkaji adalah merupakan salah satu langkah untuk mengatasi masalah ini. Garis Panduan Membina Item Objektif yang disarankan ini adalah dibina berdasarkan format yang disediakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia. Ia merangkumi prosedur, penerangan, langkah-langkah dan definisi istilah-istilah yang tertentu yang perlu diberi perhatian apabila soalan peperiksaan objektif hendak dibina. Diharapkan garis panduan ini dapat membantu pengguna yang memerlukannya apabila hendak membuat item objektif.

ABSTRACT

The main objective of this research is to survey the level of teacher's knowledge in objective's item building. The respondents are selected from the technical or engineering teacher's in three Technical School. Generally, this observation is to find out either teachers need a guideline to build objective's item as a reference or not. The method for the questionnaire is by using Likert Scale to collect the data and further on, answering the research questions'. After that, the data were analysed by using SPSS 11.0 (Statistical Package for Social Sciences). Based on analysed results, it shows that respondents had give positive responses but not at all. It's mean that, they have knowledge in building objective items at a moderate level. However, from the observation to the answers of each questions, the respondent's knowledge are need more improvement. So that, a Guideline: How to Build The Objective Items was providing by the researcher as one of the way to improve this problem. The guideline is made based on LPM's (Lembaga Peperiksaan Malaysia) standard. It consists of procedures, explanations, examples, methods and definitions. This guideline was hoped could help the users in building objective items.



PTA UTeM
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI AMINAH

KANDUNGAN

BAB PERKARA	MUKA SURAT
HALAMAN JUDUL	i
PENGESAHAN PENYELIA	ii
HALAMAN PENGAKUAN	iii
HALAMAN DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
I PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Pernyataan Masalah	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Definisi Istilah	7



II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	9
2.2	Latar Belakang Lembaga Peperiksaan Malaysia	10
2.3	Kuasa-kuasa Lembaga Peperiksaan	11
2.4	Fasa Perkembangan Peperiksaan	12
2.4.1	Pra-Merdeka	12
2.4.2	Perlaksanaan Penyata Razak	12
2.4.3	Perlaksanaan Laporan Rahman Talib	12
2.4.4	Perlaksanaan Laporan Kabinet	13
2.5	Jenis-jenis Penilaian	13
2.5.1	Penilaian Sumatif	13
2.5.2	Penilaian Formatif	14
2.5.3	Penilaian Penempatan	15
2.5.4	Penilaian Diagnostik	15
2.6	Klasifikasi Ujian	16
2.6.1	Ujian Rujukan Norma	16
2.6.2	Ujian Rujukan Kriteria	17
2.7	Jenis-jenis Item	17
2.7.1	Item Objektif	18
2.7.2	Item Subjektif	19
2.8	Pembinaan Item Objektif	21
2.9	Komponen Item	22
2.10	Ciri-ciri Item	23
2.11	Ciri-ciri Soalan Peperiksaan dan Penilai Yang Baik	24
2.11.1	Kesahan	24
2.11.2	Kebolehpercayaan	24
2.11.3	Keobjektifan	25
2.11.4	Kebolehtadbiran	25
2.12	Piawaian Pembina Item	25
2.13	Piawaian Proses	27
2.14	Piawaian Produk	28
2.15	Kata Tugas Dalam Soalan Peperiksaan	29



III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	30
3.2	Sumber Data	31
3.3	Sampel Kajian	31
3.4	Instrumen Kajian	32
3.5	Kajian rintis	33
3.6	Pengumpulan Data	34
3.7	Prosedur Kajian	34
3.8	Kaedah Penganalisan Data	36
3.9	Batasan Kajian	37
3.10	Andaian	37

IV REKABENTUK KAJIAN

4.1	Pendahuluan	38
4.2	Ciri-ciri Utama Garis Panduan	39
4.3	Sumber Maklumat Garis Panduan	40
4.3	Rekabentuk Garis Panduan	40
4.3.1	Bentuk dan Ciri-ciri Modul	41
4.3.2	Permasalahan Dalam Membina Garis Panduan	41
4.3.3	Bahan, Kos Dan Masa Membina Garis Panduan	42

V ANALISIS DATA

5.1	Pendahuluan	43
5.2	Analisis Kajian Rintis	44
5.3	Analisis Bahagian A: Latar Belakang Responden	45
5.3.1	Jantina	45
5.3.2	Taraf Pendidikan	46
5.3.3	Umur	47
5.3.4	Bidang Pengkhususan	50
5.3.5	Pengalaman Mengajar	51

5.4	Analisis Soal Selidik	52
5.4.1	Bahagian B: Meninjau Tahap Pengetahuan Responden Dalam Aspek Pembinaan Soalan Peperiksaan	52
5.4.2	Bahagian C: Meninjau Tahap Pengetahuan Responden Tentang Pembinaan Item Objektif	55
5.4.3	Bahagian D: Meninjau Tahap Kemahiran Responden Dari Segi Penggunaan Kata Tugas Dalam Membina Soalan Peperiksaan Objektif	58
5.4.4	Bahagian E: Meninjau Tahap Pengetahuan Guru Dari Aspek Penilaian Item Objektif	61
VI	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
6.1	Pendahuluan	64
6.2	Perbincangan	65
6.3	Cadangan	68
6.3.1	Penggunaan Garis Panduan Pembinaan Item Objektif	67
6.3.2	Mengadakan Kursus-kursus Jangka Pendek	69
6.3.3	Penubuhan Jawatan Kuasa Penilaian di Sekolah	69
6.3.4	Membina JPU Bagi Mata Pelajaran yang Diajar	70
6.4	Kesimpulan	70
	BIBLIOGRAFI	72
	LAMPIRAN	75



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Perbezaan di Antara Item Objektif dan Subjektif	20
3.1	Spesifikasi Skala Likert	32
3.2	Jadual Tahap Kecenderungan	36
3.3	Gulford's of Thumbs	36
5.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	46
5.2	Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	47
5.3	Taburan Responden Mengikut Umur	48
5.4	Korelasi Antara Pembolehubah Umur dan Pengalaman Mengajar	49
5.5	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	51
5.6	Analisis Deskriptif Bagi Pengetahuan Responden Dalam Aspek Pembinaan Soalan Peperiksaan	52
5.7	Analisis Deskriptif Bagi Pengetahuan Responden Tentang Pembinaan Item Objektif	55
5.8	Analisis Deskriptif Bagi Pengetahuan Responden Dari Segi Penggunaan Kata Tugas Dalam Membina Soalan Peperiksaan Objektif	58
5.9	Analisis Deskriptif Bagi Pengetahuan Guru Dari Aspek Penilaian	61

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Carta Alir Prosedur Kajian	35
5.1	Keputusan Analisis Alpha Cronbach	44
5.2	Peratus Responden Mengikut Jantina	46
5.3	Peratus Responden Mengikut Taraf Pendidikan	47
5.4	Taburan Bilangan Responden Mengikut Umur	48
5.5	Hubungan Antara Umur dan Pengalaman Mengajar	50
5.6	Bilangan Responden Mengikut Bidang Pengkhususan	51



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Garis Panduan Pembinaan Item Objektif Peringkat SPM
B	Borang Soal Selidik
C	Jadual Penentuan Saiz Sampel Untuk Kajian
D	Analisis Kajian Rintis
E	Analisis Kajian Sebenar



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

JPU	Jadual Penentuan Ujian
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for Social Science
URN	Ujian Rujukan Norma
URK	Ujian Rujukan Kriteria



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sistem peperiksaan di Malaysia adalah merupakan antara yang terbaik di kalangan negara-negara di dunia. Sistem yang diamalkan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan ini adalah sistem yang berkualiti (Mohamad Idris, *et. al*, 1994). Peperiksaan yang dijalankan adalah berdasarkan kurikulum yang telah ditetapkan bagi setiap peringkat pembelajaran yang telah disediakan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2002).

Selama 45 tahun sistem pendidikan di negara kita dilaksanakan, telah banyak pembaharuan dan penambahbaikan dijalankan bagi memastikan kualiti pendidikan kita sentiasa berada di tahap yang berkualiti. Kerajaan Malaysia berusaha bersungguh-sungguh dari segi tenaga kerja dan peruntukan kewangan bagi memastikan pembangunan pendidikan di Malaysia dapat berjalan dengan baik (Mohamad Idris, *et.al*, 1994).

Salah satu aspek penting yang menjadi indikator bagi kualiti pendidikan di Malaysia adalah melalui sistem peperiksaan yang diamalkan di Malaysia yang mana ianya ditadbir di bawah satu badan kerajaan iaitu Lembaga Peperiksaan Malaysia. Ini bermakna semua peperiksaan yang dijalankan pada peringkat sekolah rendah dan menengah diuruskan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). LPM bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyediakan kertas soalan bagi peperiksaan peringkat pusat seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah

Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Lembaga Peperiksaan Malaysia mempunyai 3 objektif yang utama iaitu yang pertama adalah merancang, membina dan mengeluarkan semua jenis dan bentuk pengujian dan pengukuran pendidikan berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara. Kedua, mengawal, menyelaraskan dan mengendalikan semua peperiksaan sekolah, peperiksaan awam dan peperiksaan luar negeri yang tidak bercanggah dengan dasar kerajaan dan kepentingan negara. Objektif yang ketiga ialah memberikan khidmat bantuan, khidmat nasihat dan khidmat rundingan kepada sekolah dan pengurusan mana-mana badan tentang pengujian pendidikan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2002).

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti sama ada para guru di sekolah menengah teknik dan vokasional mahir atau tidak dalam membuat soalan peperiksaan objektif. Satu garis panduan membina soalan peperiksaan objektif telah direka bentuk bagi membantu kajian ini dijalankan. Hasil daripada kajian ini diharapkan garis panduan yang disediakan dapat menjadi rujukan dan panduan kepada para guru, pensyarah serta pelajar. Selain itu, kita juga dapat memastikan soalan-soalan yang akan dihasilkan adalah mengikut piawai atau pengiktirafan global yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia (2002), pengiktirafan global bermaksud selain daripada dapat memenuhi keperluan dan aspirasi negara, ia juga boleh diterima serta diiktiraf di peringkat antarabangsa, lebih-lebih lagi boleh menjadi ikutan dan rujukan luar negara.



1.2 Latar Belakang Masalah

Proses penghasilan soalan-soalan peperiksaan yang berkualiti bukanlah mudah. Seseorang guru atau pensyarah itu perlu mempunyai pengetahuan dan juga kemahiran untuk menghasilkan soalan-soalan yang baik. Soalan-soalan yang baik dalam konteks ini bermaksud, soalan-soalan yang menepati format piawai terutamanya yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Ianya perlulah memenuhi format sama ada dari segi bahasa, penggunaan frasa, struktur ayat, penilaian pemarkahan dan lain-lain (Jamil Adimin, 2002).

Namun begitu, masalah akan timbul apabila ada sesetengah para guru tidak kira sama ada guru itu sudah lama atau masih baru dalam bidangnya tidak menghiraukan tentang garis panduan membuat soalan peperiksaan. Pengetahuan tentang garis panduan membuat soalan adalah satu perkara yang amat penting dan harus diamalkan oleh para guru (Jamil Adimin, 2002). Berdasarkan tinjauan pengkaji terhadap beberapa orang guru di Sekolah Menengah Teknik Besut, Terengganu, mereka tidak dapat menyatakan jenis-jenis soalan peperiksaan dengan terperinci. Maklum balas yang diterima oleh pengkaji menunjukkan guru-guru ini mempunyai pengetahuan asas yang agak terhad berdasarkan pengalaman mereka sewaktu belajar.

Secara umumnya terdapat dua jenis peperiksaan yang dijalankan di Malaysia iaitu peperiksaan berasaskan peringkat sekolah dan peperiksaan berasaskan peringkat pusat (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2002). Kertas peperiksaan pusat disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia manakala kertas peperiksaan peringkat sekolah disediakan oleh guru-guru sekolah sendiri. Dalam membuat soalan peperiksaan, pakar-pakar dalam bidang tertentu dipilih untuk membuat soalan tersebut. Namun begitu, sejauh manakah guru-guru berkebolehan dan mahir dalam aspek-aspek pembinaan soalan peperiksaan? Ini adalah kerana sekolah-sekolah juga perlu menyediakan soalan sendiri bagi ujian-ujian dan juga peperiksaan peringkat sekolah. Dalam keadaan sebegini, memang agak sukar bagi kita untuk memastikan keselarasan dari segi tahap kualiti peperiksaan yang dijalankan di peringkat sekolah. Penilaian terhadap pelajar juga tidak dapat dilakukan secara adil.

Persoalan lain yang turut dikenal pasti ialah berkaitan dengan penggunaan bahasa yang bersesuaian dan adakah bentuk-bentuk soalan yang disediakan itu bersesuaian. Ini kerana tidak semua guru mempunyai kemahiran menggunakan istilah bahasa dengan baik. Dalam pembinaan item terdapat istilah-istilah tertentu yang digunakan. Istilah-istilah ini juga membawa maksud-maksud yang tertentu. Jika guru-guru tidak dapat memahami maksud sebenar istilah-istilah ini, agak sukar bagi mereka untuk membina item mengikut ciri-ciri yang betul.

Justeru itu, satu garis panduan perlulah ada sebagai rujukan bagi guru-guru bagi memudahkan mereka mencari maklumat tentang bagaimana untuk membina item dengan menggunakan kaedah yang betul. Kelemahan guru dalam membuat soalan peperiksaan akan memberi kesan kepada pelajar. Ketidakadilan dari segi penilaian pemarkahan pelajar mungkin akan berlaku.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga (3) tujuan yang utama iaitu:

1. Untuk mengkaji tahap pengetahuan guru-guru dalam membina item objektif.
2. Untuk mengkaji tahap pengetahuan guru dalam aspek penilaian item objektif.
3. Membangunkan garis panduan dalam pembinaan item soalan objektif yang boleh dijadikan rujukan dan membantu para guru dalam menyediakan soalan objektif.



PTTA UTHM
PERBINTAAN TUNKU TUN AMINAH

1.4 Penyataan Masalah

Seseorang yang bergelar guru seharusnya melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi. Pembinaan item soalan-soalan ujian dan peperiksaan adalah merupakan salah satu proses yang wajib dilalui oleh setiap guru dan pensyarah. Guru-guru biasa yang mengajar di sesebuah sekolah mungkin tidak ditugaskan untuk menjadi individu yang bertanggungjawab dalam membina item soalan ini, namun begitu sekurang-kurangnya mereka perlu tahu konsep dan ciri-ciri utama dalam pembentukan item ini (Jamil Adimin, 2002). Ini kerana pembinaan item menjadi salah satu perkara yang rutin dalam bidang perguruan.

Apa yang menjadi perkara pokok di sini ialah guru-guru tidak mempunyai pengetahuan, tidak mengetahui konsep-konsep dan istilah-istilah dalam pembinaan sesuatu item soalan tersebut. Pada hakikatnya, mereka sendiri telah terdedah dengan perkara ini semasa bergelar pelajar, namun ianya berlaku secara tidak langsung tanpa disedari. Ramai para guru lebih suka mengambil contoh-contoh soalan yang telah sedia ada di dalam buku-buku rujukan ataupun soalan-soalan peperiksaan yang lepas ini (Jamil Adimin, 2002).

Justeru itu, sejauh manakah kebolehan guru-guru dalam membina item soalan objektif dan adakah garis panduan yang disediakan dapat membantu mereka dalam membina soalan objektif?

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan jawapan bagi beberapa persoalan seperti berikut:

- 1) Sejauh manakah tahap penguasaan guru dalam aspek pembinaan soalan peperiksaan?
- 2) Adakah guru-guru tahu tentang proses pembinaan soalan peperiksaan objektif?
- 3) Sejauh manakah guru-guru mahir dari segi penggunaan kata tugas dalam membina soalan peperiksaan objektif?
- 4) Sejauh manakah tahap pengetahuan guru-guru dalam aspek penilaian item objektif?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini akan hanya tertumpu kepada pembinaan item objektif sahaja iaitu sejauh manakah tahap pengetahuan guru-guru dalam membina soalan objektif peperiksaan dengan baik. Kajian ini tidak termasuk pembinaan item soalan subjektif dan struktur.

Dalam kajian ini, kumpulan sasaran adalah terdiri daripada guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah menengah teknik dan vokasional dalam bidang kejuruteraan. Kajian ini dihadkan kepada tiga buah sekolah menengah teknik sahaja. Responden yang dipilih adalah di kalangan guru-guru teknikal di mana mereka mengajar subjek bagi kejuruteraan. Kajian ini akan hanya merangkumi aspek pembinaan item objektif sahaja di mana tahap pengetahuan guru-guru tersebut dalam membina soalan objektif akan dikaji. Tiga buah sekolah yang dikaji adalah:

- i) Sekolah Menengah Teknik Besut, Terengganu. (17 orang)
- ii) Sekolah Menengah Teknik Pasir Mas, Kelantan. (12 orang)
- iii) Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor. (11 orang)

1.7 Definisi Istilah

Berikut adalah beberapa definisi istilah yang biasa digunakan dalam kajian ini sebagai panduan.

1.7.1 Item

Perkara atau alat yang digunakan untuk mendapatkan respons yang merupakan maklumat yang boleh dipertimbangkan dalam pentaksiran atau pengukuran konstruk. Dalam kajian ini, item bermaksud soalan ujian atau peperiksaan.

1.7.2 Konstruk

Konstruk adalah perkara yang ingin dibangunkan atau diperkembangkan dalam diri pelajar menerusi pelaksanaan sesuatu kurikulum.

1.7.3 Stimulus

Stimulus adalah merupakan suatu maklumat yang berbentuk teks, data, jadual, persamaan atau grafik yang menjadi fokus kepada situasi tugas yang berbentuk

autentik. Stimulus dibuat bertujuan untuk menerangkan maklumat yang ingin disampaikan.

1.7.4 Stem

Pernyataan maklumat yang diperlukan untuk menjawab item dan pernyataan tugas yang dinyatakan dalam bentuk soalan lengkap, arahan atau pernyataan tidak lengkap. Dalam bahasa yang mudah, stem adalah merupakan pokok sesuatu soalan.

1.7.5 Pilihan Jawapan

Pilihan jawapan merupakan senarai cadangan jawapan atau penyelesaian dalam bentuk perkataan, angka, simbol, ungkapan, frasa, gambar rajah, jadual, graf dan bentuk komunikasi lain.

1.7.6 Kunci Jawapan

Kunci jawapan adalah pilihan jawapan yang betul atau sebenar, ataupun pilihan jawapan terbaik.

1.7.7 Distraktor

Distraktor adalah merupakan pilihan jawapan yang bukan jawapan atau dengan kata lain, pilihan jawapan yang salah. Ia juga dikenali sebagai pengganggu.



BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Peredaran arus zaman yang mengejar kemajuan menyebabkan setiap orang berusaha berlumba-lumba supaya dapat bersaing dan tidak ketinggalan. Begitu juga dengan para pelajar masa kini, didapati dari setahun ke setahun, saingan untuk belajar semakin meningkat. Jika dahulu, seseorang pelajar yang memperolehi keputusan peperiksaan yang agak rendah mungkin dapat masuk ke pusat pengajian tinggi, tetapi pada masa kini tidak lagi. Soalan peperiksaan merupakan salah satu faktor penting yang berperanan dalam hal ini.

Di samping itu, soalan peperiksaan juga sentiasa diubah dari semasa ke semasa untuk menyesuaikan dengan keadaan pembangunan negara. Lembaga Peperiksaan Malaysia merupakan satu badan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyediakan soalan peperiksaan peringkat pusat untuk para pelajar.

Dalam penyediaan soalan peperiksaan, terdapat format-format tertentu yang digunakan sebagai garis panduan dalam membina soalan. Garis panduan pembinaan item ini digunakan oleh pembina item yang merupakan pakar bidang-bidang tertentu untuk dijadikan sebagai rujukan dalam membina soalan.



PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

Dalam kajian ini, pengkaji akan cuba melihat sejauh manakah tahap kefahaman dan pengetahuan guru-guru dalam pembinaan item. Item yang dipilih dalam kajian ini hanya merangkumi item objektif. Pengkaji akan menyediakan garis panduan berpandukan maklumat utama yang diperolehi dari Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk diberikan kepada para guru yang telah dipilih sebagai responden.

Terdapat dua bidang penting yang berkait rapat dengan pembinaan item iaitu pengukuran dan penilaian (Linn & Gronlund, 1995). Menurut Ebel (1979), pengukuran bermaksud suatu proses bagi memperolehi maklumat yang sah dengan menggunakan salah satu cara. Sementara itu, penilaian pula bermaksud aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran. Penilaian melibatkan proses mengukur dan membuat pertimbangan tentang kebolehan, kemahiran dan kefahaman pelajar.

2.2 Latar Belakang Lembaga Peperiksaan Malaysia

Lembaga Peperiksaan Malaysia lahir sebagai Unit Peperiksaan di Kementerian Pelajaran pada 3 Mei 1956. Ia bertukar nama menjadi Lembaga Peperiksaan pada tahun berikutnya. Penubuhannya adalah untuk mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua sekolah di negara ini sejajar dengan hasrat Penyata Razak.

Pada amnya peranan Lembaga Peperiksaan Malaysia adalah sebagai pelengkap dalam pelaksanaan dasar pendidikan negara. Di antara kejayaan yang dicapai ialah:

- i) Pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (1960).
- ii) Perintis dalam penggunaan komputer di negara ini (1967).
- iii) Pengambilan sistem peperiksaan Cambridge (1978).
- iv) Penyediaan sistem peperiksaan mengikut keperluan.
- v) Pengiktirafan sijil peperiksaan.
- vi) Pelaksanaan sistem Sijil Terbuka.

(http://www2.moe.gov.my/~lp/akta_pen_lpm.htm)

2.3 Kuasa-kuasa Lembaga Peperiksaan

Lembaga Peperiksaan ditadbir mengikut kuasa-kuasa yang diberi kepada Pengarah Peperiksaan melalui Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

(http://www2.moe.gov.my/~lp/akta_pen_lpm.htm):

Mengikut Seksyen 67:

Menteri memberi kuasa kepada Pengarah Peperiksaan untuk melaksanakan penilaian bagi murid di sekolah rendah dan menengah berdasarkan cara dan taraf pencapaian yang ditetapkan oleh Menteri.

Mengikut Seksyen 68:

Menteri memberi kuasa kepada Pengarah untuk membuat peraturan-peraturan yang mengadakan peruntukan bagi

- peperiksaan yang hendaklah diadakan bagi maksud Akta ini;
- masa dan tempat peperiksaan akan diadakan dan kelayakan serta syarat-syarat untuk mengambil peperiksaan;
- fee yang hendaklah dibayar bagi mengambil peperiksaan;
- sukatan pelajaran dan bahasa pengantar bagi peperiksaan;

Mengikut seksyen 69:

- (1) “tiada seorang pun atau tiada suatu institusi pendidikan pun boleh mengendalikan, membenarkan atau menyebabkan diadakan atau dikendalikan, atau dengan apa-apa cara terlibat dalam pengadaaan atau pengendalian, apa-apa peperiksaan bagi mana-mana murid institusi pendidikan atau bagi mana-mana calon persendirian tanpa mendapatkan kelulusan bertulis Pengarah Peperiksaan terlebih dahulu.”
- (2) “Pengarah Peperiksaan boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma dan syarat-syarat yang difikirkan patut.”

2.4 Fasa Perkembangan Peperiksaan

Dari sudut sejarah terdapat empat fasa perkembangan peperiksaan dalam sistem peperiksaan di Malaysia (http://www2.moe.gov.my/~lp/akta_pen_lpm.htm).

2.4.1 Pra-Merdeka

Dalam fasa perkembangan ini, belum ada sesuatu dasar kebangsaan mengenai pendidikan negara. Peperiksaan yang dijalankan adalah mengikut keperluan sekolah atau mengikut peperiksaan luar negeri seperti Overseas School Certificate.

2.4.2 Perlaksanaan Penyata Razak

Penyata Razak (1956) mewujudkan Dasar Pendidikan Negara yang ulung. Perlaksanaan dasar tersebut telah melahirkan Lembaga Peperiksaan. Di peringkat awal selain mengendalikan peperiksaan Cambridge, Lembaga Peperiksaan telah mengendalikan sendiri peperiksaan seperti berikut:

- i) Malayan Secondary School Entance Examination (MSSEE)
- ii) Lower Certificate of Education (LCE)

2.4.3 Perlaksanaan Laporan Rahman Talib

Perlaksanaan Laporan Rahman Talib (1960) memberi penekanan di antara lain, melanjutkan persekolahan kepada umur 15 tahun, sistem naik darjah secara automatik dan seterusnya pendidikan bercorak aneka jurusan.

Perlaksanaan dalam bidang peperiksaan telah mewujudkan:

- Kemasukan mata pelajaran efektif dalam LCE dan SRP.
- Peperiksaan Penilaian Darjah V (PPDL)
- Peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM)
- Ujian Diagnostik Darjah III (UDT)

2.4.4 Perlaksanaan Laporan Kabinet

Perlaksanaan Laporan Kabinet (1979) telah mewujudkan perkembangan sistem pendidikan yang terkini, khususnya KBSR dan KBSM. Ini telah menyebabkan berlakunya penyesuaian dalam sistem peperiksaan untuk memenuhi hasrat dan kehendak kurikulum dan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara.

(http://www2.moe.gov.my/~lp/akta_pen_lpm.htm)

2.5 Jenis-jenis Penilaian

Menurut Linn & Gronlund (1997), terdapat empat jenis penilaian iaitu penilaian penempatan, penilaian formatif, penilaian sumatif dan penilaian diagnostik. Berikut adalah penerangan bagi 4 jenis penilaian tersebut.

2.5.1 Penilaian Sumatif

Penilaian sumatif dilakukan apabila tamat sesuatu penggal, unit, atau semester atau dijalankan pada akhir tahun (Mehrens & Lehmann, 1978). Ia bertujuan untuk menilai secara keseluruhan tentang semua yang telah diajar dan memperbaiki situasi proses pelajar belajar ke arah yang lebih baik untuk kepentingan penilaian selanjutnya. Selain itu, penilaian ini juga bertujuan untuk mengukur dan memberi nilai prestasi murid tentang sejauhmanakah tahap penguasaannya terhadap sesuatu bahan pengajaran

yang disediakan dalam jangka waktu tertentu. Di samping itu, penggredan murid juga dilakukan untuk menentukan kemajuannya. Selepas penilaian sumatif dilakukan, biasanya sijil penghargaan akan diberi kepada murid.

Menurut Thorndike & Hagent (1977), penilaian sumatif berfungsi untuk melakukan pensijilan atau penggredan bagi murid pada hujung sesuatu penggal atau kursus. Ia juga dapat meramal kejayaan dalam kursus yang berkaitan. Di samping itu, ia juga berfungsi untuk membandingkan keputusan antara pelajar.

Aspek yang dinilai dalam penilaian sumatif adalah termasuk keseluruhan hasil belajar meliputi pengetahuan, sikap atau penguasaan murid tentang pengajaran yang telah diberikan. Peringkat penilaian selalunya berbentuk ingatan, pemahaman dan aplikasi (Thorndike & Hagent, 1977). Sumber soalan bagi penilaian ini disesuaikan dengan luasnya program pengajaran yang berkaitan. Ia meliputi seluruh bahan pelajaran yang disediakan dalam satu program pengajaran serta mengutamakan bidang kognitif. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada jenis mata pelajaran. Kadangkala penilaian kognitif kurang diberi penekanan sebaliknya mengutamakan penilaian tingkah laku, psikomotor atau afektif.

2.5.2 Penilaian Formatif

Penilaian ini adalah untuk mengetahui pengajaran guru dan pemahaman murid-murid terhadap sesuatu pelajaran (Linn & Gronlund, 1990). Misalnya, tamat sahaja sesuatu pelajaran murid-murid akan diberikan ujian. Penilaian Formatif lebih mengutamakan kebolehan menguasai pelajaran. Keputusan yang didapati digunakan untuk memperbaiki proses belajar-mengajar selanjutnya di mana bahan-bahan yang lebih sesuai dengan tujuan yang telah ditetapkan akan diajar oleh guru-guru dengan menggunakan kaedah-kaedah yang lebih tepat.

Penilaian formatif berfungsi untuk memberi maklumat balik kepada pelajar dan guru mengenai kemajuan murid melalui satu unit atau satu aspek pelajaran. Ia juga untuk membentuk murid-murid dalam pembelajaran dan mengetahui kelemahan murid

supaya pengajaran pemulihan dapat dijalankan (Mehrens & Lehmann, 1978). Di samping itu juga penilaian ini dapat memberi maklumat kepada guru supaya dapat memperbaiki segala kelemahan dalam bahagian-bahagian tertentu pengajarannya.

Aspek yang dinilai dalam penilaian formatif termasuklah hasil kemajuan murid. Ia meliputi pengetahuan, sikap, sampelan dan penguasaan terhadap bahan-bahan pelajaran yang telah disediakan. Sumber soalnya merangkumi apa yang telah diajar. Penyusunan ujian ini sangat bergantung kepada tujuan kursus tersebut kerana ia merupakan syarat yang harus dimiliki oleh murid-murid.

2.5.3 Penilaian Penempatan

Menurut Mohd Najib (1997), penilaian jenis ini adalah untuk menentukan kebolehan pelajar pada awal atau sebelum proses pengajaran. Ujian ini boleh membantu guru menentukan corak pengajaran yang berkesan untuk setiap individu. Mungkin ada pelajar yang masih mempunyai asas yang cetek atau sudah pun mendapat pendedahan isi kandungan kursus; ada pelajar yang cekap dalam mengira, tetapi tidak dalam menghafal; ada pelajar yang perlukan tempat duduk di hadapan bilik darjah kerana penglihatannya kurang jelas.

2.5.4 Penilaian Diagnostik

Menurut Mohd Najib (1997), penilaian jenis ini adalah untuk menentukan kesukaran atau masalah pembelajaran semasa proses pengajaran. Ia lebih khusus daripada ujian formatif. Ujian ini boleh digunakan untuk menentukan masalah pelajar yang konsisten. Sebagai contoh, ujian formatif boleh diandaikan sebagai rawatan yang pertama, sebaliknya ujian diagnostik adalah rawatan lanjutan intensif untuk mengetahui masalah di belakang kesukaran pelajar. Melalui beberapa siri kuiz, guru boleh menyedari kesilapan konsisten pelajar. Sebagai contoh, pelajar mungkin menghadapi kesukaran menyelesaikan masalah berkaitan dengan atom dan guru boleh mengadakan

ujian diagnostik untuk menentukan punca masalah kerana mungkin ia disebabkan oleh salah-konsep.

2.6 Klasifikasi Ujian

Terdapat dua klasifikasi ujian yang utama iaitu Ujian Rujukan Norma (URN) dan Ujian Rujukan Kriteria (URK).

2.6.1 Ujian Rujukan Norma (URN)

Menurut Linn & Gronlund (1997), URN dirangka untuk membandingkan prestasi seseorang individu dengan individu yang lain, atau membandingkan prestasi sesuatu kumpulan dengan kumpulan lain dengan menggunakan keputusan-keputusan ujian yang sama. Ujian ini amat sesuai digunakan sebagai penilaian sumatif untuk menentukan dan membandingkan kedudukan pencapaian antara murid. Di dalam URN, soalan-soalan ujian lazimnya digubal berlandaskan kepada sukatan pelajaran dalam sesuatu peringkat tertentu.

Kesukaran soalan-soalan ujian ini lazimnya ditaburkan dari mudah ke susah, iaitu 25% mudah, 50% sederhana dan 25% susah. Taburan sebegini membolehkan pemeriksa mempertimbangkan markah-markah yang cemerlang, kepujian, lulus dan gagal. Ini bermakna penentuan gred-gred daripada markah-markah ujian bergantung kepada prestasi calon-calon.

Dalam sistem ini, ada kemungkinan calon yang lemah pun lulus kerana terdapat calon lain yang lebih lemah. Soalan URN ini mungkin terlalu sukar sehingga tidak dapat dijawab dengan betul oleh ramai calon. Perbandingan prestasi sebegini merupakan relatif, sebab itulah URN juga disebut sebagai Ujian Pencapaian Relatif.

2.6.2 Ujian Rujukan Kriteria (URK)

URK dirangka bertujuan untuk menentukan taraf pencapaian seseorang individu yang dikehendaki dalam sesuatu bidang kemahiran. Di dalam peringkat sekolah, guru menetapkan kriteria pada peringkat paling minimum bagi setiap orang murid dikehendaki mencapai objektif pelajarannya. Ujian ini biasanya diadakan setelah sesuatu kemahiran diajarkan. Keputusan ujian ini kemudiannya dibandingkan dengan kriteria yang telah ditetapkan (Linn & Gronlund, 1997).

URK ini sesuai digunakan untuk menguji sebahagian kecil isi kandungan pelajaran sahaja, iaitu satu atau beberapa kemahiran sahaja. Keputusan ujian digunakan untuk menentukan sama ada murid menguasai kemahiran dalam peringkat yang dikehendaki. Keputusan URK sesuai digunakan sebagai penilaian formatif untuk mengesan kelemahan murid dalam penguasaan kemahiran tertentu.

Maklumat daripada keputusan ujian jenis ini membolehkan guru merancang semula strategi untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. URK digunakan untuk mengesan prestasi murid secara individu, sebab itu ia sesuai diuruskan dengan bilangan calon yang tidak ramai.

2.7 Jenis-jenis Item

Semasa proses membuat soal-an peperiksaan tidak kira jenis atau klasifikasi ujian, ciri-ciri pembinaan item yang betul dan bersesuaian adalah merupakan elemen yang sangat penting. Ilmu dan kemahiran membina item ini perlu dipelajari oleh setiap guru supaya mereka dapat menghasilkan soal-an-soalan peperiksaan yang berkualiti dan menepati kehendak silibus mata pelajaran tersebut.

Menurut laporan Jamil Adimin (2002), item membawa maksud perkara atau alat yang digunakan untuk mendapatkan respons yang merupakan maklumat yang boleh dipertimbangkan dalam pentaksiran atau pengukuran konstruk. Manakala konstruk pula

bermaksud, perkara yang ingin dibangunkan atau diperkembangkan dalam diri pelajar menerusi pelaksanaan sesuatu kurikulum. Terdapat dua jenis item yang utama iaitu item objektif dan item subjektif.

2.7.1 Item Objektif

Item objektif bermaksud ujian yang mempunyai satu jawapan yang tepat dan tertentu sahaja (Hopkins & Stanley, 1961). Dalam ujian objektif ini, tugas calon agak terkawal dan tindak balas calon juga terbatas.

Menurut Mehrens & Lehmann (1978) item objektif terbahagi kepada dua jenis iaitu item tindak balas tetap dan item tindak balas bebas. Berikut merupakan jenis-jenis item yang terkandung dalam item tindak balas bebas dan tindak balas tetap:

a) Item Tindakbalas Bebas (Free Response).

- i. Jawapan pendek.
- ii. Melengkapkan.
- iii. Perkaitan.

b) Item Tindakbalas Tetap (Fixed Response).

- i. Salah-Betul.
 - Dua pilihan.
 - Pelbagai pilihan.
- ii. Memadankan.
 - Panduan.
 - Klasifikasi.
- iii. Aneka Pilihan.
- iv. Berbilang Lengkapan.
 - Cantuman.
 - Turutan.

2.7.2 Item Subjektif

Item subjektif ditakrifkan sebagai soalan yang memerlukan calon bertindak balas secara menyumbangkan sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis. Tindak balas atau jawapan calon mungkin bebas atau terhad dan mungkin dalam satu perkataan, satu ayat atau satu karangan yang lengkap. Jawapan yang betul hanya boleh ditentukan oleh orang yang mahir dalam bidang tersebut sahaja (Thorndike & Hagent, 1977).

Soalan esei menghendaki calon menghasilkan jawapan mereka sendiri dan calon agak bebas menentukan:

- i. Cara mengelolakan jawapan.
- ii. Cara mendekati sesuatu masalah.
- iii. Maklumat dan fakta yang akan digunakan.
- iv. Penekanan yang akan diberikan kepada sesuatu aspek.

Soalan lebih menumpukan kepada kebolehan calon untuk mengemukakan dan menilai fakta-fakta, menyatu padu, mengatur dan menjelaskan idea-idea sehingga menghasilkan jawapan yang *original* dan baik. Berbeza dengan soalan objektif, tindak balas calon dalam menjawab soalan esei adalah lebih terbuka dan bebas. Walau bagaimanapun pemarkahan soalan objektif lebih boleh dipercayai dibandingkan dengan soalan esei. Jadual 2.1 menunjukkan perbezaan di antara item objektif dan subjektif.



Jadual 2.1: Perbezaan di Antara Item Objektif dan Subjektif

Perkara	Ujian Objektif	Ujian Subjektif
Erti	Terdiri daripada item yang memerlukan calon beri jawapan.	Terdiri daripada soalan yang memerlukan calon beri jawapan berbentuk ayat atau esei.
Tujuan	Uji kefahaman & kebolehan calon tentang aspek pelajaran formal	Uji kemahiran calon guna bahasa untuk susun idea atau fakta.
Ciri	Mempunyai ciri keesahan, kebolehpercayaan & keobjektifan yg tinggi.	Mempunyai ciri kemudahtadbiran yang tinggi.
Kegunaan	Untuk penilaian sumatif.	Untuk penilaian formatif.
Kesesuaian	Untuk bilangan calon yang ramai.	Untuk bilangan calon yang kecil.
Bentuk	Terdiri daripada item yang memerlukan calon beri jawapan.	Terdiri daripada soalan yang memerlukan calon beri jawapan berbentuk ayat atau esei.
Skop	Uji kefahaman & kebolehan calon tentang aspek pelajaran formal.	Uji kemahiran calon guna bahasa untuk susun idea atau fakta.
Skema pemarkahan	Mempunyai ciri keesahan, kebolehpercayaan & keobjektifan yg tinggi.	Mempunyai ciri kemudahtadbiran yg tinggi.

2.8 Pembinaan Item Objektif

Dalam kajian ini, penekanan hanya akan diberikan kepada pembinaan item objektif. Soalan objektif pada zahirnya agak mudah tetapi sebenarnya untuk membina item objektif ini adalah agak sukar dan mungkin lebih sukar daripada membina item subjektif. Ini kerana seseorang pembina item perlu menyediakan jawapan yang tepat dan juga sekaligus membuat pilihan jawapan yang salah sebagai pilihan yang lain. Jika teknik yang digunakan dalam pembinaan item objektif ini tidak betul, mungkin item yang dibentuk akan menjadi item yang lemah. Soalan dan jawapan pilihan yang disediakan merupakan dua elemen penting dalam pembinaan item objektif (Mehrens & Lehmann, 1978).

Menurut Jamil Adimin (2002), terdapat lima anatomi dalam item objektif iaitu:

- i) Stimulus
 - Suatu maklumat yang berbentuk teks atau grafik yang menjadi fokus kepada situasi tugas yang berbentuk autentik.
- ii) Stem
 - Pernyataan maklumat yang diperlukan untuk menjawab item dan pernyataan tugas yang dinyatakan dalam bentuk soalan lengkap atau tidak lengkap.
- iii) Pilihan jawapan
 - Senarai cadangan jawapan atau penyelesaian yang dalam bentuk perkataan, angka, simbol, frasa, gambar rajah, jadual, graf dan bentuk komunikasi lain.
- iv) Jawapan
 - Pilihan jawapan yang betul atau terbaik.
 - Pilihan jawapan yang bukan jawapan dan berfungsi untuk menarik perhatian calon yang kurang atau tidak menguasai suatu objektif mata pelajaran atau mempunyai salah konsep.

- v) Distraktor
- Pilihan jawapan yang bukan jawapan.
 - Berfungsi menarik perhatian calon yang tidak menguasai sesuatu bidang pembelajaran.
 - Merupakan pernyataan yang memang salah, separuh salah atau betul tapi tidak menepati kehendak tugas (stem).

2.9 Komponen Item

Dalam membentuk sesuatu item terdapat beberapa komponen yang perlu diambilkira. Menurut Jamil Adimin (2002), terdapat 5 komponen penting yang dikenal pasti dalam pembinaan item ini iaitu:

- a) **Rangsangan**
- Mengandungi maklumat khusus dalam bentuk petikan, rajah, jadual, dan lain-lain.
- b) **Tugasan**
- Apa yang perlu diberikan sebagai respons.
- c) **Arahan**
- Bagaimana cara memberikan respons.
- d) **Peraturan pemarkahan**
- Skema penskoran (bagi item subjektif).
- e) **Pilihan jawapan**
- Bagi item objektif aneka pilihan.

2.10 Ciri-ciri Item

Untuk membina sesuatu item terdapat beberapa ciri yang perlu dipatuhi. Sesuatu item yang baik biasanya akan memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan ini. Menurut Jamil Adimin (2002), telah digariskan 3 ciri item iaitu:

- a) **Keakuran**
 - Kurikulum.
 - Peluang.
 - Spesifikasi Ujian.

- b) **Ketepatan**
 - Menepati konstruk yang ditaksir.
 - Menepati konteks yang ditetapkan.

- c) **Kesesuaian**
 - Aras kesukaran seperti yang dihasratkan.
 - Kepentingan dari segi konteks-situasi.
 - Adil bagi semua pihak.



2.11 Ciri-ciri Soalan Peperiksaan dan Penilaian yang Baik

Terdapat beberapa ciri yang menunjukkan sesuatu soalan peperiksaan dan penilaian yang dibuat itu adalah baik. Sesuatu soalan peperiksaan boleh bertujuan untuk membandingkan pencapaian seorang murid dengan murid-murid yang lain. Peperiksaan juga boleh dijalankan dengan tujuan diagnostik; untuk merangsang murid-murid supaya lebih tekun belajar; untuk tujuan pensijilan atau sebagainya (Ebel, 1979). Peperiksaan dan penilaian yang baik mempunyai ciri-ciri yang berikut:

2.11.1 Kesahan

Soalan peperiksaan itu mempunyai darjah kesahan yang tinggi. Kesahan merujuk kepada takat sesuatu soalan dapat memenuhi tujuannya. Dengan kata lain, soalan itu benar-benar mengukur perkara-perkara yang hendak diukur dan bukan perkara lain. Terdapat beberapa jenis kesahan; tetapi bagi para guru sekolah, kesahan isi perlu diberatkan. Isi soalan dikatakan sah jika guru telah mengambil kira tujuan peperiksaan, penyelarasan kandungan bahan soalan dengan sukatan pelajaran, penekanan yang diberi kepada tajuk-tajuk dalam sukatan pelajaran dan peringkat objektif pelajaran bagi setiap tajuk. Secara ringkas, sesuatu soalan peperiksaan mempunyai kesahan isi jika ia merupakan sampel yang mewakili dengan baik kandungan sukatan pelajaran dan objektif-objektif pelajaran (Linn & Gronlund, 1990).

2.11.2 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan adalah ciri soalan peperiksaan yang merujuk kepada ketekalan (Mehrens & Lehmann, 1978). Peperiksaan dikatakan mempunyai ciri ini jika markah yang diperolehi seseorang calon peperiksaan atau murid tidak berubah walaupun soalan yang sama atau setara diberikan kepadanya pada masa yang lain. Banyak factor yang mempengaruhi kebolehpercayaan seperti panjang pendek soalan, faktor-faktor guru dan murid, pentadbiran soalan dan lain-lain.

BIBLIOGRAFI

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (1995). *Modul Kajian Tindakan*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Best, J.W. & Kahn, J.V. (1998). *Research in Education*. Massachusetts: Allyn & Bacon.

Brennan, W.K. (1974). *Shaping the Education of Slow Learners*. Routledge & Kegan Paul, London.

Ebel, R.L. (1979). *Essentials of Education Measurement*. (Third Edition) Printice-Hall INC. New Jersey

Hopkins, K.D., Stanley, J.C. (1961). *Educational and Psychological Measurement and Evaluation*, (6 ed) Prentice-Hall International INC. London.

Jamil Adimin (2002). *Panduan Membina Item* dicapai daripada Pembentangan Seminar.

Kamarudin Hj. Husin (1990). *Pedagogi 4*. Longman, Malaysia.

Kartini Kamarulzaman (2001). *Tinjauan Mengenai Keperluan Latihan Industri Dalam Latihan Pensyarah Politeknik: Satu Kajian Kes Di Kalangan Graduan Sarjana Pendidikan (Teknikal) di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*. KUiTTHO: Projek Sarjana.

Kennedy & Tipps (1994). *Guiding Children's Learning of Mathematics*. Wadsworth Publishing Company, California.

Koh Boh Boon (1981). *Pengajaran Pemulihan dalam Bahasa Malaysia*. Percetakan Utusan Sdn. Bhd.

Krejeie R.V & Morgan D.W .*Determining Sample Saiz For Research Educational and Psychological Measurement*. 1970.30 607-610

Lembaga Peperiksaan Malaysia (2002). *Panduan Membina Item* dicapai daripada Laporan-laporan Lembaga Peperiksaan Malaysia

Mehrens. W.A. Lehmann. I.J. (1978). *Measurement and Evaluation In Education and Psychological*, Holt. Rinehart and Winston.

Mohd Najib Ghafar (1997). *Pembinaan dan Analisis. Ujian Bilik Darjah*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Najib Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Idris, S., Che Su, M., Fuziah S. (1994). *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*. Perpustakaan Negara Malaysia. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Nawi Ab. Rahman (2001). *Asas Statistik*, edisi ke-4, Universiti Putra Malaysia.

Noraini Kaprawi (2000). Unpublished. PhD. Thesis. *Quality of Working Life and Organizational Effectiveness in Public and Private Higher Education Institution*. University of Manchester.

Richard I.L., Davids S.R. (2000). (penterjemah: Susila Munisamy, Halimah Awang), *Statistik Untuk Pengurusan*, edisi ke-7, Prentice Hall.

Robert L. Linn, Norman E. Gronlund (1995). *Measurement and Assesment in Teaching*, edisi ke-7, Merrill Prentice Hall.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Robert L. Linn, Norman E. Gronlund (1990). *Measurement and Evaluation in Teaching*, edisi ke-6, Collier Macmillan Canada, Inc.

Sampson, C. (1975). *Remedial Education*. Routledge & Kegan Paul, London.

Shaharom Nordin & Yap Kueh Chin (1992). *Penggunaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran*, Jurnal Guru.5,325-33

Sharifah Alawiyah Alsagoff (1986). *Teknik Pengajaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Thorndike. R.L., Hagent E.P. (1977). *Measurement and Evaluation In Psychological and Education*, Forth Edition John Wilay & Sons INC. 1977.

Uma Sekaran (1992) *Research Methods for Business. A Skill Building Approach*, edisi ke-2, John Wiley & Sons, Inc.

W. James Popham (2000). *Modern Educational Measurement, Practical Guidelines for Educational Leaders*, edisi ke-3, Allyn and Bacon.

Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows*. Universiti Teknologi Malaysia. Venton Publisher.

Lembaga Peperiksaan Malaysia dicapai daripada

http://www2.moe.gov.my/~lp/akta_pen_lpm.htm

Panduan Membina Soalan dicapai daripada

<http://www.geocities.com/SiliconValley/Peaks/7539/item.htm>



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH